

Malaysia tidak B.I. 16 JUL 1989 mahu jadi NIC: PM

Oleh ZAINI ZAINUDDIN

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mengingatkan rakyat mengenai halangan yang akan dihadapi oleh Malaysia jika menjadi Negara Industri Baru (NIC).

Katanya Malaysia tidak berniat untuk tergesa-gesa menjadi NIC bagi mengelakkan daripada menghadapi masalah besar dan tekanan yang berterusan oleh negara maju.

"Sebaliknya, usaha yang kita lakukan sekarang ke arah membangunkan negara cuma hendak mencari kehidupan yang lebih baik, selesa dan bahagia bagi rakyat," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia akan menghadapi masalah besar apabila mencapai tarat NIC dan "akan ditekan hingga terbenam oleh negara kaya serta maju".

Katanya negara berkenaan akan menjalankan pelbagai cara sehingga memaksa Malaysia melakukan perkara yang sukar untuk dilaksanakan ke arah membangunkan negara.

"Negara maju dan kaya itu akan memaksa kita menaikkan nilai mata wang, mengurangkan eksport, menyekat galakan yang kita berikan kepada pelabur.

"Kita harus ingat bahawa walaupun mereka berniat hendak melihat negara membangun cepat maju, pada masa yang sama mereka akan menekan kita batik," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan persidangan perwakilan tiga tahunan ke-19 Kesatuan Perkhidmatan Teknik Semenanjung (MTSU) di sini, semalam.

Katanya soal taraf negara tidak penting dan berharap pemimpin serta akhbar tidak lagi memberi penekanan kepada soal Malaysia hendak menjadi NIC.

Mengenai kesatuan sekerja, beliau mengingatkan supaya kerjasama antara kerajaan dan kesatuan terus dipelihara dan ditingkatkan.

"Sejarah membuktikan bahawa kerjasama dan permuafakatan lebih banyak manfaat daripada pergeseran. lebih-lebih lagi bagi sektor perkhidma-

. SILA UHAT MUKA 2 RUANG 6 ✓

Negara NIC hadapi tekanan: PM

7 DARI MUKA 1

tan awam yang meliputi 840 kaki-tangan.

"Oleh itu, kerajaan berharap kesatuan sekerja awam akan mengutamakan sikap kerjasama dan tolak ansur dalam sebarang rundingan dengan majikan," katanya.

Beliau kesal kerana ramai lagi rakyat yang menunggu untuk bekerja dengan kerajaan dan mahu golongan pekerja diorientasikan supaya dapat menyesuaikan diri dengan iklim perubahan negara.

"Jika rakyat tidak sanggup bekerja, ekonomi negara tidak akan tumbuh dan pekerja juga menjadi mangsa," katanya.

Mengenai tuntutan kesatuan sekerja, termasuk MTSU, Perdana Menteri berkata beliau tidak dapat memutuskannya sekarang "kerana saya tidak berhak membuat keputusan sendiri yang kesannya akan dipikul oleh negara dan rakyat."

Antara tuntutan Cuepacs dan MTSU ialah menaikkan Elaun Khidmat Awam, pelarasan gaji dan menaikkan taraf pembantu juruteknik kepada juruteknik.